

02/12/1997

KDN ambil langkah kurangkan pekerja asing

PETALING JAYA, Isnin - Kementerian Dalam Negeri akan mengambil langkah drastik dalam mengurangkan jumlah tenaga pekerja asing dalam sektor yang tidak ekonomik untuk disalurkan ke sektor yang lebih ekonomik.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Tajol Rosli Ghazali, berkata antara sektor yang dikenal pasti ialah mereka yang bekerja di kedai berbentuk franchise, restoran makanan segera dan erai makan.

Menurutnya, pihaknya kini sedang mengadakan perbincangan dengan Jabatan Imigresen mengenai kaedah dan mekanisme yang perlu dilakukan dalam mengurangkan secara berperingkat penggunaan tenaga kerja disektor berkenaan.

"Sektor ini ialah sektor perkhidmatan awam yang tidak memberi sumbangan kepada pertukaran wang asing membabitkan 400 ribu pekerja asing termasuk 140 ribu pembantu rumah.

"Baki 260 ribu itu akan disalurkan ke sektor yang lebih produktif seperti sektor perkilangan dan perladangan," katanya selepas merasmikan majlis berkhatan beramai-ramai anak-anak warga Jabatan Pendaftaran Negara di ibu pejabat JPN dekat sini, hari ini.

Katanya, mengenai pertukaran kad pekerja asing yang akan disalurkan ke sektor lain, ia tidak akan memberi kesulitan kerana kad itu boleh ditukarkan dengan kos yang ditanggung oleh majikan.

Sementara itu, mengenai saranan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Moahamad berhubung kebenaran membenarkan industri berintensifkan buruh mengambil pekerja asing, Tajol berkata, KDN membenarkan pengambilan tenaga kerja asing baru kepada kilang yang menjalankan industri keluaran barangan untuk tujuan eksport.

(END)